

Derita pesakit radang hati



PESAKIT hepatitis menunjukkan tanda jangkitan melalui fizikal.

Hepatitis terbahagi kepada lima jenis iaitu hepatitis A, B, C, D dan E. Penyakit ini dapat dicegah dengan kesedaran dan suntikan vaksin.



Oleh **BASIR ABU BAKAR**
basir.abubakar@kosmo.com.my

LULUH rasa hati Mohamad Shahriza, 21, apabila dia dimaklumkan oleh jururawat bahawa dia disahkan menghidap penyakit hepatitis C pada pertengahan tahun lalu.

Berita yang menyedihkan itu sekali gus merentap perasaan Shahriza yang begitu bersemangat untuk belajar bersungguh-sungguh bagi menamatkan pengajiannya di sebuah institusi pengajian tinggi swasta di Kelantan.

Dia yang kini sedang memasuki semester dua pengajian kejururawatan

“Seorang jururawat telah menghubungi dan memaklumkan mengenai penemuan virus hepatitis C dalam darah saya.

“Ketika itu saya baru masuk semester dua. Sejurus mengetahui mengenai penyakit saya itu, hidup saya mula berubah,” katanya mengimbuai kejadian tersebut.

Ekoran keadaan tersebut, pihak hospital telah merujuk kes Mohamad Shahriza kepada doktor pakar untuk rawatan.

Katanya, doktor pakar yang melakukan pemeriksaan kesihatan ke atas dirinya mendapati penyakit tersebut perlu diberi rawatan segera dan boleh dirawat sehingga sembuh kerana masih di peringkat awal.

ya ketika mengendalikan pesakit semasa di semester satu saya dijangkiti virus berkenaan tanpa disedari.

“Namun, saya bersyukur dapat mengetahui mengenai jangkitan virus hepatitis C ini lebih awal (peringkat tiga) dan saya difahamkan 90 peratus penyakit ini boleh sembuh apabila dirawat dengan ubat khas,” katanya.

Seorang lagi pesakit yang mengalami simptom kekuningan hepatitis ialah seorang pesara kerajaan, Nona Tahrin, 56.

Pada awalnya, Nona disahkan menghidapi penyakit batu karang hempedu pada awal tahun 2010.

Sejurus mengetahui mengenai penyakit tersebut dia mula berusaha mendapatkan pelbagai rawatan baik kepada



DR. NAZRI

VIRUS hepatitis dapat dikesan melalui ujian darah.



itu mula merasa rendah diri, tidak bersemangat dan hilang kepercayaan diri untuk meneruskan hidup.

“Berita mengenai penyakit hepatitis C yang saya alami ini diketahui pada bulan Jun tahun lalu selepas saya menderma darah di sebuah hospital di Kelantan.

Kecuaian

“Keadaan fungsi hati dan virus hepatitis C yang menjangkiti saya dipantau oleh pakar berkenaan untuk masa ini,” ujar anak sulung daripada empat orang adik-beradik itu.

Mengimbas jangkitan itu berlaku, Mohamad Shahriza mendakwa dia mungkin mendapat jangkitan virus berbahaya tersebut ketika melakukan latihan amali kejururawatan ketika di semester satu awal tahun lalu.

“Mungkin disebabkan kecuaiannya sa-

tan baik kaedah moden mahupun alternatif.

“Selepas mengetahui mengenai penyakit batu karang hempedu yang di alami, saya mula resah dan tidak tidur lena.

“Penyakit tersebut sentiasa bermain-main di fikiran dan mengganggu perjalanan hidup saya yang kini usia warga emas. Selepas berfikir panjang, saya cuba mengambil sejenis ubat herba untuk membantu memecahkan batu karang terbabit,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Pada mulanya keadaan kesihatan Nona berjalan seperti biasa, namun pada tahun 2011 badannya mula menunjukkan tanda-tanda kekuningan.


Apabila itu gejala itu berlaku, Nona mendapatkan pemeriksaan lanjut di sebuah klinik.

“Selepas pemeriksaan dan rawatan, doktor mendapati kekuningan yang saya alami ini mungkin berpunca daripada kesan sampingan ubat-ubatan herba yang diambil,” ka-




RISIKO golongan homoseksual dijangkiti hepatitis B adalah 10 kali ganda.

HEPATITIS merupakan penyakit yang boleh membawa maut jika tidak dirawat.



VAKSINASI salah satu kaedah untuk mencegah hepatitis.



KEKUNINGAN pada kuku antara simptom hepatitis.

tanya.

Justeru, doktor menasihatinya supaya berhenti mengambil ubat herba tersebut buat seketika.

"Selepas saya berhenti mengambil ubat herba tersebut, tubuh saya kembali normal dan tidak kuning lagi.

"Imbasan tomografi yang dilakukan juga mendapati batu karang hempedu yang saya alami telah hancur," kata pesara kerajaan itu.

Secara amnya, hepatitis bermaksud radang hati. Apa-apa sahaja yang boleh



HEPATITIS A boleh berjangkit melalui makanan yang tercemar.

mengganggu fungsi hati secara asasnya boleh menyebabkan hepatitis.

"Virus hepatitis yang lazim menyerang hati secara khusus ialah jenis A, B, C, D dan E.

"Bagaimanapun, ada faktor-faktor lain yang boleh mengganggu fungsi hati," kata Pensyarah kanan dan Pakar perubatan, Jabatan Perubatan, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Nazri Mustaffa ketika dihubungi.

Bahan toksik

Antara penyebab penyakit hepatitis adalah penggunaan ubat-ubatan yang tidak teratur dan sistem imun yang tidak terkawal.

Pendedahan kepada bahan kimia yang berlebihan seperti alkohol, kadar lemak hati yang tinggi (*steato-hepatitis*) dan batu hempedu antara pun-

canya. Menurut Dr. Nazri, cara jangkitan hepatitis itu bergantung kepada penyebabnya. Penggunaan ubat-ubatan atau bahan kimia secara berlebihan juga boleh merosakkan sel-sel hati akibat pendedahan kepada bahan toksik.

Batu hempedu menyebabkan tekanan yang tinggi pada hati akibat aliran hempedu tersumbat boleh merosakkan organ tersebut.

"Ada banyak faktor yang mempengaruhi risiko penyakit itu antaranya termasuk umur pesakit, kesan daripada penyakit lain, tahap pendedahan kepada punca hepatitis," katanya.

Hepar atau juga dikenali sebagai hati berfungsi sebagai penapis bahan toksik, pengawalan berkaitan pembekuan darah dan penyingkiran sel-sel matang daripada sistem peredaran darah.



- Penyakit ini mengakibatkan sel-sel hati rosak seterusnya menyebabkan fungsi hati tidak lagi dapat menghapuskan pigmen hempedu.
- Kerosakan hati mengakibatkan pigmen hempedu akan dirembeskan ke dalam usus.

Jenis-jenis hepatitis:

- Terdapat 5 jenis hepatitis iaitu A, B, C, D dan E. Namun dunia perubatan mengesahkan wujud juga hepatitis F hingga G.
- Untuk hepatitis A dan E ia tidak akan menyebabkan penyakit hati yang kronik seperti sirosis dan kanser hati berbanding hepatitis B, C dan D.

Punca

- Hepatitis A disebabkan oleh virus HAV Ia didapati daripada makanan dan minuman yang tercemar.
- Hepatitis B dibawa oleh virus HBV.
- Hepatitis C disebabkan oleh virus HCV. Ia berpunca dari berkongsi jarum suntikan, pemindahan darah, melalui luka dengan alat peribadi seperti pisau cukur, akupunktur dan tatu.
- Hepatitis D disebabkan oleh virus HDV. Seseorang itu hanya dijangkiti virus tersebut sekiranya ia pernah mendapat hepatitis B.
- Hepatitis E dijangkiti oleh virus HEV yang didapati oleh makanan yang tercemar.

Simptom:

- Demam
- Letih
- Kurang selera makan
- Pening kepala
- Loya dan muntah-muntah
- Pening kepala
- Sakit perut
- Kencing berwarna kuning teh
- Kehilangan berat badan

Imunisasi

Vaksin hepatitis A boleh memberi perlindungan selama 12 bulan bagi dos yang diambil pertama kali dan 10 tahun selepas dos yang kedua.



SEL-SEL hati menjadi rosak apabila terdedah kepada bahan toksik.

Imunisasi cegah jangkitan

HEPATITIS pada peringkat awal mungkin tidak menunjukkan apa-apa simptom. Namun, jika kerosakan itu signifikan, antara simptomnya pesakit akan rasa senak atau sakit pada bahagian sebelah kanan abdomen.

"Apabila fungsi sel-sel hati terganggu, gejala kekuningan akan kelihatan pada mata dan kuku akibat kegagalan hati untuk membuang bahan kumuh daripada salur darah.

"Jika kegagalan hati berlarutan, ia boleh mempengaruhi fungsi otak (ensefalopati) dan pendarahan juga boleh berlaku pada organ tersebut," jelas Pakar

Perubatan dan Gastroenterologist, Hospital Pantai Ampang, Kuala Lumpur, Dr. Matvinder Singh.

Menurut beliau, jika kerosakan hati berlaku sedikit demi sedikit pada jangka masa yang lama, hati boleh berparut. Keadaan ini boleh menyebabkan abdomen dipenuhi air



DR. MATVINDER

(ascites) dan muntah darah kerana salur darah bengkak di bahagian esofagus dan perut.

Kegagalan hati untuk menghasilkan zat protein juga akan menyebabkan kebengkakan pada kaki.

Dr. Matvinder memberitahu, setakat ini belum ada bukti kukuh yang mendakwa bahawa perubatan alternatif seperti herba atau homeopati dapat merawat penyakit hepatitis kecuali perubatan moden.

Menurut beliau, virus hepatitis B adalah 10 kali ganda mudah berjangkit berbanding HIV.

Imunisasi

Namun untuk virus hepatitis A dan B, imunisasi boleh diberikan bagi menjadikan seseorang lali terhadap jangkitan kuman itu.

Mengelakkan pengambilan ubat-ubatan yang tidak teratur dan menghindari alkohol juga dapat

mengurangkan risiko hepatitis.

Hepatitis yang berkait dengan penyakit berjangkit ialah virus hepatitis A, B, C, D dan E. Ia boleh menular daripada seseorang kepada orang lain.

Hepatitis A dan E disebarkan melalui pemakanan yang tidak bersih, manakala hepatitis B, C dan D berjangkit melalui cecair badan seseorang. Misalnya, semasa proses kelahiran, perkongsian jarum suntikan dan hubungan kelamin.

Terdapat punca-punca lain hepatitis yang tidak disebarkan secara berjangkit iaitu disebabkan pendedahan kepada ubat-ubatan, bahan kimia dan steato-hepatitis. Imunisasi hepatitis B untuk bayi yang baru lahir telah pun diwajibkan di negara ini sejak tahun 1990.

Hepatitis C juga boleh dirawat dengan menggunakan ubat-ubatan terkini. Maklumat lanjut mengenai hepatitis boleh didapati menerusi Yayasan Hepar Malaysia dengan melayari laman web www.liver.org.my.

Vaksin ini disyorkan kepada golongan berisiko tinggi termasuklah:

- Golongan yang melancong ke negara sedang membangun. Pekerjaan berisiko tinggi, contohnya; bidang kesihatan, pekerja kumbahan. Golongan yang mengamalkan gaya hidup berisiko tinggi. Pusat jagaan kanak-kanak atau institusi yang menyediakan kemudahan. Individu yang mempunyai penyakit hati yang kronik.

- Vaksin hepatitis boleh mencegah daripada jangkitan hepatitis B. Virus Hepatitis B (HBV) menyebabkan masalah hati yang serius dan boleh menyebabkan kematian.

- Vaksin hepatitis C selalunya diberikan kepada mereka yang mahu menunaikan haji, umrah dan bertugas atau melancong di negara-negara yang berisiko tinggi.

- Kadar pesakit hepatitis A di Malaysia: 1.1/100,000 penduduk (1998).

- Terdapat 5.24 peratus populasi Malaysia menghidap hepatitis B (1999).

- Dianggarkan 1 peratus populasi Malaysia menghidap hepatitis C.

Nota: Statistik berkaitan hepatitis A, B dan C di Malaysia ini berdasarkan maklumat terkini Kementerian Kesihatan Malaysia.